

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10260

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan bekas-bekas penagih dadah daripada terjebak dalam kancan jenayah selepas keluar daripada *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) terutamanya bagi bekas penagih dari kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah berjaya melaksanakan program rawatan dan pemulihan dadah menerusi Klinik *Cure & Care* 1Malaysia (Klinik C & C), *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan *Cure & Care Vocational Centre* (CCVC). Klien-klien yang berada di dalam institusi ini perlu menjalani program rawatan dan pemulihan dadah yang diatur dan diteruskan secara pemulihan dalam komuniti supaya klien-klien dapat menjaga dan mengekalkan kepulihan mereka.

Walau bagaimanapun, bagi membolehkan klien-klien ini mengekalkan kepulihan dan mengamalkan gaya hidup yang berkualiti, mereka memerlukan penjagaan berterusan selepas keluar dari institusi pemulihan dan setelah bebas daripada pengawasan komuniti. Ini juga bertujuan untuk menangani masalah penagihan semula (*relapse prevention*) di kalangan klien.

Bagi membantu kesinambungan kepulihan ini, AADK telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di Pejabat AADK Daerah dan Pusat Integrasi Klien (PIK) serta melaksanakan latihan kerjaya dan peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian. Dalam hal ini, AADK telah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan di CCRC Karangan di mana

seramai 45 orang klien telah menamatkan latihan pada bulan Ogos 2017 dan akan menerima sijil kemahiran dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dalam bidang pemasangan dan penyelenggaraan penghawa dingin (*split unit*), penyelenggaraan penghawa dingin kenderaan dan kimpalan (*grille*).

AADK juga mengadakan Program eUsahawan Bersama Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC) di mana kedua-dua pihak bekerjasama dalam program kesedaran awam yang dianjurkan untuk mempromosikan eUsahawan dan perkhidmatan yang relevan kepada usahawan-usahawan mikro.

Di samping itu, AADK turut melihat kepentingan menggerakkan masyarakat setempat dalam menangani masalah penagihan dadah menerusi Program *Community Empowerment*, di mana masyarakat mestilah:

- i. bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani proses pemulihan;
- ii. membantu menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*; dan
- iii. menerima secara berterusan terhadap perjalanan kepulihan (*recovery journey*) supaya mereka tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor *relaps*.

Peranan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Pengasih Malaysia, Jawatankuasa Pemulihan Dadah (JKPD) dan pemimpin-pemimpin komuniti adalah penting dalam membantu bekas-bekas penagih dadah yang telah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan di institusi untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat.

87

SOALAN (35)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 OKTOBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]

SOALAN :

YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan jangka panjang dan jangka pendek Kerajaan dalam memastikan Dasar Sosioekonomi Bumiputera berbanding yang lain-lain tidak terlalu lebar jurangnya terutamanya di kawasan luar bandar dan juga di kawasan bandar-bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971, pelaksanaannya telah berjaya mengubah landskap pencapaian sosioekonomi Bumiputera secara keseluruhan. Meskipun DEB telah berakhir pada tahun 1990, namun aspirasi dan strategi DEB masih diteruskan dalam dasar-dasar pembangunan nasional yang dirangka selepas DEB. Dasar Pembangunan Negara (DPN, 1991-2000), Dasar Wawasan Negara (DWN, 2001-2010) dan Dasar Transformasi Negara (TN50, 2020-2050) merupakan kesinambungan daripada dasar DEB bagi memacu pembangunan ekonomi negara berdasarkan aspirasi rakyat.

Begitu juga dengan perancangan dasar, strategi dan program dalam Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun yang turut menerapkan aspirasi DEB. Sebagai contoh, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) yang memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan juga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) yang memberi penekanan kepada inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama.

89

Agihan pendapatan yang lebih saksama telah berjaya diwujudkan tanpa ada segmen masyarakat yang terpinggir melalui pelbagai strategi sejak pelaksanaan DEB dan juga dasar-dasar selepas DEB. Jelasnya, pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan telah berjaya mengurangkan jurang dan aksesibiliti di antara penduduk bandar dan luar bandar dari segi pendapatan, pendidikan, kebajikan dan kesihatan. Menurut Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2016, purata pendapatan penduduk bandar dicatatkan sebanyak RM7,671 berbanding penduduk luar bandar iaitu sebanyak RM4,359. Walau bagaimanapun, purata pendapatan Bumiputera di bandar dan luar bandar pula adalah lebih rendah berbanding pencapaian nasional iaitu masing-masing sebanyak RM7,095 dan RM4,267. Nisbah ketidaksamaan pendapatan Bumiputera antara bandar dan luar bandar pula meningkat daripada 1:1.61 kepada 1.166 dalam tempoh 1989 hingga 2016.

Dari segi jangka panjang pula, Kerajaan terus komited dalam memastikan agihan yang seimbang terutamanya terhadap peluang dan kemudahan untuk menjana pendapatan, pekerjaan, perniagaan dan juga pendidikan di antara kawasan bandar dan luar bandar.

Bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk di kawasan luar bandar pula, Kerajaan prihatin dengan menyediakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan penyertaan penduduk dalam aktiviti ekonomi melalui program peningkatan pendapatan penduduk desa/ luar bandar terutamanya dalam aktiviti keusahawanan. Pelbagai program dijalankan untuk merapatkan jurang teknologi dengan memastikan penduduk luar bandar tidak ketinggalan mendapat manfaat teknologi maklumat dan komunikasi serta peningkatan penembusan khidmat internet jalur lebar di kawasan luar bandar di bawah program '*digital divide*'.

Selain itu, Kerajaan juga akan terus meningkatkan pembangunan infrastruktur jalan dan kemudahan di kawasan luar bandar dan menyediakan pelbagai kemudahan liputan bekalan elektrik dan air. Program intervensi bagi mereka yang mempunyai keperluan khusus dan bagi golongan minoriti juga dilaksanakan dalam usaha untuk merapatkan jurang ketidaksamaan sosioekonomi di kawasan bandar dan luar bandar.

Sekian. Terima kasih.

24 Oktober 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24 OKTOBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]

SOALAN :-

YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan menyatakan setakat suku kedua 2017 berapakah jumlah golongan belia yang telah memiliki rumah sendiri berdasarkan 'Skim Rumah Pertamaku' melalui Pembiayaan Deposit Rumah Pertama 2016 sebagai langkah menangani isu pemilikan rumah dan meringankan kos sara hidup rakyat.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Skim Rumah Pertamaku (SRP)** telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Bajet 2011 dan ianya dikendalikan oleh **Cagamas Bhd. di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).**

Sehingga 30 Jun 2017 (suku kedua 2017), seramai 1,462 pemohon telah menerima insentif Skim MyDeposit atau 97.5% adalah daripada golongan belia (berumur bawah 40 tahun). Secara keseluruhan, sejumlah RM39,196,507.96 telah dibelanjakan untuk Skim MyDeposit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017